

24 JUN 1999

Razaleigh-Kelantan

KU LI JANJI GUNA SEPENUHNYA KESEMPATAN BELA RAKYAT KELANTAN

KOTA BAHARU, 24 Jun (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah berjanji untuk menggunakan sepenuhnya kesempatan daripada pelantikannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan untuk membela nasib rakyat negeri itu yang dahagakan kemajuan.

Beliau berkata, keutamannya sekarang ialah untuk menyusun gerakan yang lebih berkesan berdasarkan kepada pendapat pemimpin-pemimpin UMNO dan rakyat Kelantan.

"Kalau perlu kita turun ke bawah dan dengar khabar dari rakyat, apa keluhan mereka, kalau difikirkan pendapat rakyat itu munasabah kita akan gunakan untuk jadikan asas gerakan kita," katanya kepada pemberita selepas berucap di hadapan kira-kira 1,000 orang di hadapan kediamannya di sini, tengah hari ini.

Perhimpunan itu turut dihadiri Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, anggota Majlis Tertinggi UMNO Datuk Ibrahim Ali dan pemimpin-pemimpin UMNO bahagian.

Ia sebagai tanda sokongan kepada Tengku Razaleigh kerana dilantik sebagai pengerusi badan perhubungan itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sebelum ini menyandang jawatan itu.

Tengku Razaleigh juga dipakaikan tengkolok yang dibuat daripada bendera UMNO serta dihadiahkan sebilah keris oleh Annuar sebaik tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa.

"Kita berada di sini untuk rakyat, kalau kita dapat memahami kehendak rakyat selepas menemui mereka itu akan kita gunakan sebaiknya untuk kebaikan bersama.

"Yang penting gerakan yang perlu dilakukan itu adalah secara bersama di kalangan pemimpin supaya dapat menunjukkan kepada rakyat, kita mahu membantu mereka dan nak bersama mereka," kata Tengku Razaleigh.

Katanya beliau tidak akan mensia-siakan tanggungjawab yang diamanahkan serta harapan yang begitu tinggi oleh UMNO dan rakyat negeri ini yang sangat-sangat berkehendakkan perubahan dilakukan.

"Bagaimana perubahan itu boleh dilakukan itu perlu saya bincang dengan rakan-rakan pemimpin UMNO Kelantan. Saya percaya mereka mempunyai pandangan yang berkesan termasuk strateginya," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada dengan pelantikannya itu, akan wujud pengaruh pihak Istana, Tengku Razaleigh berkata; "Saya rasa mereka (Istana) tidak akan menggunakan kedudukannya untuk mempengaruhi keadaan, tetapi saya dan rakan-rakan saya akan menggunakan kesempatan yang ada untuk menjamin rakyat Kelantan terbela."

Terdahulu ketika berucap, Tengku Razaleigh yang juga bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), berkata perpecahan dalam UMNO telah berakhir dan sekarang masanya untuk pemimpin dan anggota sehingga ke akar umbi bekerja bersungguh-sungguh untuk mencapai hasrat menawan semula Kelantan daripada PAS pada pilihan raya umum kelak.

"Dengan ikhlas hati saya nak orang kita kerja kuat-kuat... cerita kita berbalah sesama kita, kita tutup buku," katanya.

Sementara itu, Annuar ketika berucap menyatakan bahawa semua pemimpin UMNO Kelantan berkehendakkan Tengku Razaleigh memimpin mereka dan kini hasrat itu telah tercapai.

Mereka kini bergerak dalam satu kumpulan dengan Tengku Razaleigh sebagai komandernya, kata beliau.

-- BERNAMA

BD NMO